

16 AUG 2003

Mahathir-Syria/I

DR MAHATHIR AKAN BERTEMU PRESIDEN BASHAR AL-ASSAD DI DAMSYIK

Oleh: Mokthar Hussain

DAMSYIK, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di ibu negara Syria ini esok bagi lawatan dua hari dengan isu kerjasama dua hala dan keadaan di Asia Barat dan Iraq dijangka menjadi tumpuan semasa pertemuan dengan Presiden Dr Bashar Al-Assad.

Perdana Menteri akan mengetuai delegasi 70 anggota terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri serta tokoh korporat dari 22 syarikat, antaranya Proton, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Ranhill, Airod dan Puncak Niaga Holding.

Dr Mahathir sebelum ini mengadakan lawatan ke Algeria dan Swaziland.

Pada lawatan itu, beliau dijangka akan menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang Sains dan Teknologi, pembuatan dan perpindahan kepakaran.

Selepas mengadakan pertemuan rasmi dengan Presiden Al-Assad, Dr Mahathir akan mempengerusikan mesyuarat delegasi bersama-sama Perdana Menteri Syria Mustapha Mero yang antara lain akan membincangkan prospek pelaburan dan usaha meningkatkan kadar perdagangan.

Perdagangan antara kedua-dua negara bernilai kira-kira RM200 juta yang memihak kepada Malaysia dengan import dari Syria sebanyak RM3 juta, kebanyakannya tekstil.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata lawatan Dr Mahathir adalah atas jemputan Presiden Al Assad.

"Presiden Al Assad melihat Malaysia sebagai satu-satunya negara yang dapat menggabungkan Islam dan pemodenan serta berminat dalam pembangunan teknologi maklumat (IT) kerana Syria mahu membangunkan taman teknologinya yang akan dipanggil "technoport", " katanya kepada wartawan Malaysia.

Syed Hamid berkata jenama Malaysia sudah mula menembusi pasaran Syria dengan kemasukan kira-kira 175 buah kereta Proton dan Perodua kancil terutamanya selepas Malaysia menubuhkan kedutaannya di Damsyik pada tahun 2002 ekoran pembukaan kedutaan Syria di Kuala Lumpur tahun sebelumnya.

Pada Isnin Dr Mahathir akan merasmikan bilik pameran Proton di Harasta dan mengadakan pertemuan dengan pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di Syria.

Syria mempunyai keluasan 185,180 km persegi dan bersempadan dengan Iraq, Israel, Jordan, Lubnan dan Turki. Ia mempunyai lebih 17 juta penduduk dan kira-kira 40,000 orang tinggal di Golan Heights yang dikuasai Israel.

Aturcara Dr Mahathir di Damsyik termasuk mengadakan pertemuan dengan ulama Syria dan berdialog dengan ahli perniagaan, ahli politik, menteri kabinet dan kumpulan pemikir kerajaan Syria.

-- BERNAMA

MOK MOK RHM